



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN  
BERITA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**10 OGOS 2023 (KHAMIS)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

---

**10 OGOS 2023 (KHAMIS)**



**ANGGOTA** penguat kuasa KPDN memeriksa dan merampas sebuah lori yang diubah suai tangkiya sebelum digunakan untuk membeli minyak diesel di stesen minyak sekitar Kuala Lumpur.

Minyak subsidi itu diseleweng bagi tujuan eksport

## 'Borong' diesel lebih 80,000 liter sehari

Oleh AZMI NORDIN

**KUALA LUMPUR** – Kelicikan sindiket 'mencuri' lebih 80,000 liter diesel subsidi bernilai hampir RM172,000 setiap hari terbongkar menerusi satu serbuan pada 1 Ogos lalu.

Hasil risikan selama dua minggu mendapati, sindiket itu menyasarkan enam stesen minyak sekitar ibu negara untuk membeli minyak diesel bersubsidi sebelum membuat penghantaran ke stor haram bagi tujuan eksport.

Op Tiris itu dijalankan sepasukan pegawai dan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDN Kuala Lumpur, Nurul Syarina Md. Anuar berkata, pasukan KPDN bertindak menyerbu sebuah stesen minyak di Cheras dan stor haram di Sungai Besi.

"Stesen minyak tersebut merekodkan transaksi terbanyak

di mana lima lori bonded yang diubah suai tangki akan datang secara bergilir sebelum membeli minyak melebihi 80,000 liter iaitu membabitkan jumlah pembayaran tunai hampir RM172,000.

"Kesemua lori ini menjalankan aktiviti mengutip minyak diesel bersubsidi di sekitar Kuala Lumpur seawal pukul 8 pagi sehingga 8 malam sahaja," katanya.

Mengulas lanjut, Nurul Syarina berkata, bekalan tersebut akan disimpan di stor haram sebelum dipindahkan ke lori tangki untuk dijual kepada pihak ketiga di sekitar Lembah Klang serta di selatan dan utara Semenanjung bagi tujuan eksport ke luar negara.

Katanya, serbuan di stor itu bertindak merampas 35,000 liter diesel bersubsidi dianggarkan berjumlah RM75,250 selain sitaan sebuah lori tangki, lori bonded (empat), pam (tujuh), 16 buah empat unit tangki IBC (intermediate Bulk Container), hos minyak (lapan) dan resit-resit


pembelian.

"Lima individu disyaki pemandu lori dan pekerja stor telah ditahan untuk siasatan lanjut termasuk seorang lelaki tempatan yang juga pemandu lori ketika sedang membuat pengisian minyak diesel di stesen berkenaan.

"KPDN Kuala Lumpur telah bertindak menyita sebuah lori bonded selain 1,630 liter minyak diesel, empat IBC Tank, satu unit pam serta hos dan resit-resit pembelian minyak diesel bersubsidi.

Menurutnya, pemilik stesen minyak tersebut disiasat di bawah Peraturan 12A Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (PPKB) 1974 serta Peraturan 13(2) PPKB 1974 kerana gagal menyelenggara buku stok.

Kata Nurul Syarina, kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.



KPDN Negeri Sembilan merampas diesel bersubsidi dalam serbuan Op Tiris di Taman Seremban Jaya, kelmarin.

## 9,000 liter diesel subsidi dirampas

**Seremban:** Seolah-olah dapat menghidu kehadiran pihak berkuasa dari jauh. Itu yang berlaku apabila ahli sindiket penyelewengan diesel subsidi sempat melarikan diri sejurus markas mereka di Taman Seremban Jaya di sini, diserbu malam kelmarin.

Dalam operasi oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Negeri Sembilan jam 10 malam itu,

suspek yang melakukan aktiviti memindahkan diesel subsidi didapati sudah melarikan diri.

Pengarah KPDN Negeri Sembilan, Muhammad Zahir Mazlan berkata, pihaknya merampas 9,000 liter diesel subsidi dianggarkan bernilai RM19,350 melalui

operasi Op Tiris itu.

Menurutnya, pihak KPDN turut menyita empat lori tangki dan 19 tangki menjadikan anggaran keseluruhan nilai rampasan berjumlah RM71,150.

“Serbuan Op Tiris ini hasil risikan sejak dua minggu lalu. Semua lori tang-

ki itu dipercayai sedang menunggu giliran untuk aktiviti pemindahan diesel.

“Bagaimanapun ketika serbuan dilakukan, ahli sindiket sempat melarikan diri. Semua diesel dan lori disita untuk tindakan lanjut.

“Kes itu kini disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 bagi mengenal pasti individu atau syarikat yang terbabit dalam aktiviti itu,” katanya.

**KPDN sita empat lori tangki dan 19 tangki**

## Fatihah sebak cabut plat nama Salahuddin di Parlimen



Fatihah mencabut plat nama arwah ayahnya di Parlimen pada Selasa.

**SHAH ALAM** - Anak arwah Datuk Seri Salahuddin Ayub, Fatimah Salahuddin hadir ke Dewan Rakyat untuk mencabut plat nama ayahnya pada Selasa.

Menerusi perkongsian di akaun Facebook miliknya, Fatimah meluahkan rasa sayu dan sebak kerana terkenangkan arwah ayahnya.

"Saya memakai baju kemeja putih ayah ke Parlimen untuk mencabut plat nama ayah di Dewan Rakyat.

"Rasa sayu dan sebak sebaik saja saya masuk ke dalam dewan, jatuh juga air mata mengenangkan ayah.

"Rasanya baru seperti semalam kami bekerja keras untuk memenangkan ayah di Parlimen Pulau," luah anak bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup itu.

Jelasnya, Parlimen telah menjadi satu keluarga besar buat ayah. Menjadi Ahli Parlimen Kubang Kerian selama dua penggal (2004-2013) dan Ahli

Parlimen Pulau (2018-2023).

"Secara peribadi, Parlimen adalah keluarga besar buat saya. Saya berpeluang bekerja dengan warga Parlimen sebagai Setiausaha Sulit Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Mohammad Ariff Md Yusof (2018-2020).

"Kemudian, berkhidmat dengan ayahanda sebagai pegawai khasnya daripada 2020 sehingga Parlimen dibubarkan pada 2022," katanya.

Tambahnya, sepanjang tempoh tersebut saya diberikan kepercayaan oleh ayah untuk menguruskan segala hal ehwal Parlimen ayah daripada menyediakan soalan-soalan bagi pertanyaan jawab lisan sehinggalah membuat usul untuk ayah.

"Bagi pihak ayah, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih buat Parlimen Malaysia dan sudah dua minggu ayah tinggalkan kita semua, kerusi ini adalah milik rakyat," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

# **BERITA ONLINE (KPDN)**

---

---

**10 OGOS 2023 (KHAMIS)**

**BERITA ONLINE BERTARIKH 10 OGOS 2023**

<b>TARIKH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>PAUTAN</b>	<b>MEDIA</b>
10-Aug	Minyak ragu halal	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/utama/2023/08/997231/minyak-ragu-halal">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/utama/2023/08/997231/minyak-ragu-halal</a>	HM
10-Aug	KPDN bongkar sindiket curi diesel RM172,000 setiap hari	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/kpdn-bongkar-sindiket-curi-diesel-rm172000-setiap-hari/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/kpdn-bongkar-sindiket-curi-diesel-rm172000-setiap-hari/</a>	UM
10-Aug	'Curi' 80,000 liter diesel subsidi setiap hari	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/272764">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/272764</a>	SH
10-Aug	Simpan barang kawalan, pasar raya didenda RM20,000	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/08/997409/simpan-barang-kawalan-pasar-raya">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/08/997409/simpan-barang-kawalan-pasar-raya</a>	HM
10-Aug	Penduduk 'borong' Jualan Rahmah	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/penduduk-borong-jualan-rahmah/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/penduduk-borong-jualan-rahmah/</a>	UM